

DBKL peruntuk RM1.7 juta ubah belukar jadi taman riadah

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM1.7 juta bagi mengubah kawasan belukar di atas tanah seluas satu hektar menjadi sebuah taman riadah untuk kemudahan penduduk Bandar Tun Razak.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh berkata, "kawasan dinamakan Taman Kejiranan Ikhlas itu melalui beberapa fasa pembangunan sejak 2016 sehingga selesai dilaksanakan pada Mei 2023.

Menurutnya, pelbagai fasiliti disediakan untuk kegunaan setiap peringkat umur seperti taman permainan kanak-kanak, alat senam riang, mini balapan dan laluan pejalan kaki.

"Taman ini juga dilengkapi dengan pencahayaan bagi kemudahan aktiviti riadah pada waktu malam.

"Saya harap taman ini dapat memberi nilai tambah kepada kualiti kehidupan masyarakat setempat," katanya pada majlis perasmian Taman Kejiranan Ikhlas Bandar Tun Razak di sini pada Selasa.

Majlis disempurnakan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Kamarulzaman berkata, taman itu boleh digunakan sebagai lokasi untuk aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, program pendidikan luar kelas, aktiviti sukan dan riadah.

Beliau berharap, persatuan penduduk dapat bersama-sama menjaga dan memelihara taman itu daripada aktiviti tidak bermoral seperti vandalisme dan kecurian aset.



Antara kemudahan yang terdapat di Taman Kejiranan Ikhlas Bandar Tun Razak.

Katanya, menerusi Pelan Induk Inisiatif Masyarakat Rendah Karbon menjelang 2030, DBKL komited memfokuskan pembangunan kawasan hijau terbiar untuk dijadikan taman kejiranan.

Ujarnya, sebanyak lima lokasi kawasan hijau di Kuala Lumpur telah berjaya dibangunkan sepanjang 2023.

"Selain itu, DBKL juga berusaha mewujudkan lebih banyak kawasan hijau di Kuala Lumpur menerusi program penanaman pokok bagi menyokong Kempen Penanaman 1 Juta Pokok yang melibatkan penglibatan agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"DBKL juga akan bersama dengan KPKT untuk membangunkan 30 *pocket park* di Kuala Lumpur yang kita sedang kenal pasti tapak tersebut terutama dalam kawasan bandar," katanya.